

PERAKUAN PENDAFTARAN

Adalah dengan ini diperakui bahawa kontraktor yang dinyatakan
di bawah ini telah berdaftar dengan Lembaga mengikut
Bahagian VI Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994.
Pendaftaran ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang telah
ditetapkan di belakang Perakuan ini

No Pendaftaran: **0120170516-JH188376**

Nama Kontraktor : **SPEEDMAX SOLUTIONS SDN BHD**

Alamat Berdaftar : **01-06, JALAN AUSTIN PERDANA 2/22
TAMAN AUSTIN PERDANA
81100 JOHOR BAHRU
JOHOR**

Gred, kategori dan pengkhususan berdaftar

**G1 B B04
G1 CE CE21**

Tarikh Mula Berkaukuasa : **16 MAY 2017**

Tarikh Habis Tempoh Perakuan : **15 MAY 2018***

**Perakuan ini hendaklah diperbaharui selewat-lewatnya 60 hari sebelum tarikh habis tempoh.*

**STATUS : BARU - Kontraktor yang baru berdaftar semasa
perakuan pendaftaran ini dikeluarkan.**

(

OTHMAN BIN SAFAR
b.p. Ketua Eksekutif



SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN

1. Syarat Am

- a) Perakuan ini tidak boleh dipindahmilik.
- b) Lembaga mempunyai hak mengkaji semula gred pendaftaran kontraktor dari semasa ke semasa.

2. Tanggungjawab dan Obligasi Kontraktor

- a) Kontraktor hendaklah mematuhi peruntukan- peruntukan Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 ("Akta"), peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya dan apa-apa terma, syarat-syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.
- b) Kontraktor tidaklah boleh menyertai mana-mana tender atau melaksanakan apa-apa kerja pembinaan selepas habis tempoh Perakuan ini dan sehingga ianya diperbaharui.
- c) Kontraktor tidaklah boleh mengakujanji membina apa-apa projek pembinaan yang melebihi nilai kerja pembinaan yang dinyatakan di bawah gred pendaftarannya dan tidaklah boleh melaksanakan apa-apa projek pembinaan di luar kategori pendaftarannya.
- d) Kontraktor hendaklah mengemukakan maklumat mengenai apa-apa kerja pembinaan atau kontrak dalam tempoh satu bulan diaward.
- e) Kontraktor hendaklah mengemukakan apa-apa maklumat yang dikehendaki oleh Lembaga dari semasa ke semasa.
- f) Kontraktor hendaklah mempamerkan Perakuan Pendaftarannya yang dikeluarkan oleh Lembaga atau salinan Perakuan Pendaftaran yang diperakui oleh Lembaga di tempat perniagaannya.
- g) Kontraktor hendaklah mempamerkan nombor pendaftaran atas papan tanda di setiap tapak pembinaannya.
- h) Kontraktor hendaklah memohon untuk membaharui pendaftaran dalam tempoh enam puluh hari sebelum tarikh habis tempoh yang dinyatakan dalam Perakuan itu. Apa-apa permohonan yang diterima oleh Lembaga lewat daripada tiga puluh hari sebelum tarikh habis tempoh perakuan pendaftaran hendaklah dikenakan fee sebanyak RM200.00 kerana lewat membaharui.
- i) Kontraktor hendaklah mematuhi semua kehendak dan ketetapan di dalam Kod Etika Kontraktor.
- j) Kontraktor hendaklah melantik pekerja binaan mahir dan penyelia tapak yang diakreditasi dan diperakui oleh Lembaga.
- k) Semua pekerja di tapak bina hendaklah mempunyai Kad Personel Binaan yang masih sah.

3. Tindakan Tatatertib

Pendaftaran kontraktor hendaklah dibatal, digantung atau ditarik balik jika:-

- a) kontraktor tidak mematuhi kehendak mana-mana undang bertulis yang lain;
- b) kontraktor telah dihukum menjadi bankrap;
- c) petisyen penggulungan berhubungan dengan kontraktor telah diserahkan;
- d) kontraktor melanggar atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta;
- e) kontraktor telah mendapat Perakuan dengan membuat atau menyebabkan dibuat apa-apa akuan, pemerakuan atau representasi palsu atau fraud secara bertulis atau selainnya;
- f) kontraktor meninggalkan apa-apa kerja pembinaan yang diakujanji tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- g) kontraktor telah didapati bersalah kerana cuai oleh mahkamah atau mana-mana lembaga penyiasatan yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubungan dengan apa-apa kerja pembinaan yang diakujanji; atau
- h) kontraktor telah melanggar mana-mana terma dan syarat-syarat Tanggungjawab dan Obligasi Kontraktor yang dinyatakan dalam perenggan 2.

Jadual Gred & Had Tender

| 1 | 2 |
|------|--|
| Gred | Keupayaan Menender/ Menjalankan Kerja (RM) |
| G7 | Tiada Had |
| G6 | Tidak melebihi 10 juta |
| G5 | Tidak melebihi 5 juta |
| G4 | Tidak melebihi 3 juta |
| G3 | Tidak melebihi 1 juta |
| G2 | Tidak melebihi 500,000.00 |
| G1 | Tidak melebihi 200,000.00 |